

# Kelas keibubapaan tiada sambutan

SAH 15/3/09 ps. 78

**MENGABANG TELIPOT** – Bakal ibu dan bapa yang baru pertama kali menimang cahaya mata seharusnya tidak memandang remeh untuk mengikuti pelbagai program telah disediakan sebagai panduan bagi mereka menjaga anak mengikut kaedah betul.

Pakar Obstetrik dan Gynaekologi Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) Kuala Terengganu, Dr Roziana Ramli berkata, kesedaran dalam kalangan masyarakat di negeri ini mengenai penjagaan dan usaha menambah pengetahuan itu masih berada pada tahap yang rendah.

“Seharusnya sebagai ibu dan bapa yang

bakal menimang cahaya mata buat pertama kali tidak sesekali melepaskan peluang untuk mengikuti pelbagai kelas keibubapaan supaya sebarang masalah yang datang nanti mampu ditangani dengan sebaik mungkin.

“Namun, apa yang berlaku dalam kalangan masyarakat di negeri ini amat berbeza sekali kerana sambutan terhadap kelas keibubapaan (Anter-natal Class) begitu mendukacitakan dan pendedahan yang lebih mendalam perlu dilakukan,” katanya kepada Sinar Harian ketika ditemui pada Majlis Ceramah Reproduksi dalam Kalangan Remaja, anjuran Pusat Kesihatan Pelajar Kelab Kaunseling

(Peka) Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang berlangsung di Auditorium Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah, di sini.

Menurut Roziana, walaupun pelbagai program dan juga kempen telah dilaksanakan sebagai usaha bagi menambah kesedaran dalam kalangan masyarakat, usaha itu dilihat masih belum mencukupi kerana mereka tidak memahami sepenuhnya masalah kesihatan.

“Oleh itu, masyarakat perlu bersikap lebih proaktif bagi memahami dan mengikuti program yang dianjurkan pelbagai pihak, khususnya kerajaan untuk memupuk kesedaran pada peringkat lebih awal,” katanya.



● Peserta bergambar selepas menjayakan Majlis Ceramah Reproduksi dalam Kalangan Remaja yang berlangsung di Auditorium Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah.